

09 JUN 1997

Nik Aziz-Dewan

DEWAN PERNIAGAAN AKAN DIBERI PELUANG SERTAI PEMBANGUNAN

KOTA BAHARU, 9 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata kerajaan negeri akan memastikan pembangunan tanah rizab Melayu yang diluluskan di negeri itu akan dapat disertai Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Kelantan (DPMMK).

"Apa sahaja projek yang diluluskan oleh kerajaan negeri kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) akan dapat dinikmati oleh DPMMK melalui kaedah konsortium," katanya.

Nik Aziz yang juga Pengerusi PKINK menyatakan demikian selepas perjumpaannya dengan DPMMK yang diketuai Pemangku Yang Dipertuanya Nik Abdul Rahman Nik Taib.

Nik Aziz berkata banyak pelabur termasuk dari luar negara telah menyatakan minat untuk melabur di Kelantan selepas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April lepas.

Sementara itu Nik Abdul Rahman berkata PKINK telah menawarkan tanah miliknya dengan keluasan sehingga 400 hektar untuk dimajukan oleh DPMMK untuk dimajukan sebagai tapak perindustrian dan perumahan.

"PKINK telah meminta dewan supaya menghantar kertas kerja pembangunan projek itu dalam tempoh seminggu dan proses mengenal pasti tapak akan dibuat selepas itu," katanya.

Nik Abdul Rahman berkata, ada kemungkinan tapak yang akan diperolehi itu terletak di daerah Gua Musang atau Tanah Merah memandangkan masih banyak tanah milik PKINK tidak dimajukan di daerah-daerah itu.

Katanya, DPMMK akan memajukan tanah berkenaan secara usahasama dengan PKINK, mengikut konsep bandar baru yang lebih terancang dan tersusun dengan pelbagai kemudahan untuk penduduk Kelantan dan pelabur.

Kira-kira 150 buah kilang akan dibina di tapak berkenaan dengan peluang pekerjaan sehingga 5,000 orang, katanya.

"DPMMK akan membawa masuk pelabur dan menjual tapak kilang tersebut kepada pelabur untuk dibina kilang," katanya.

Beliau yakin banyak pelabur berminat untuk melabur di Kelantan kerana masih banyak bahan mentah termasuk di sektor perkayuan dan perladangan yang belum diterokai selain tenaga kerja yang mudah diperolehi. -- BERNAMA

BD NMO